



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	6/6/2021	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			



PEGAWAI dan anggota Perhilitan menemui pelbagai unggas liar dalam serbuan di sebuah premis menjual haiwan peliharaan di Taman Kota Masai.

Ulang kesalahan miliki unggas liar

Pasir Gudang: Pemilik premis menjual haiwan peliharaan di Taman Kota Masai di sini, seolah-olah tidak serik apabila mengulangi kesalahan sama memiliki beberapa unggas liar tanpa kebenaran.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor Salman Saaban ber-

kata, kegiatan lelaki berusia 34 tahun itu terbongkar dalam serbuan jam 5.30 petang yang dijalankan pegawai dan anggota Perhilitan negeri itu, kelmarin.

Katanya, dalam serbuan itu, pihaknya berjaya menemukan 15 burung murai batu, dua burung hwamei, dua burung serindit serta tiga ayam hutan yang ke-

semuanya masih hidup.

"Hasil soal siasat terhadap lelaki terbabit, dia tidak mempunyai apa-apa surat kebenaran untuk menyimpan hidupan liar berkenaan daripada Jabatan Perhilitan.

"Semua barang kes yang dianggarkan bernilai RM13,800 dirampas untuk siasatan lanjut," katanya da-

lam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, premis terbabit pernah diserbu awal tahun ini atas kesalahan yang sama dan kes masih dalam siasatan.

"Satu lagi laporan polis sudah dibuat dan kes akan disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)," katanya.